

TEGAHAN MEMPERSENDAKAN AGAMA

PELAJARAN 11 : AYAT KEFAHAMAN

INTISARI AYAT

- UMAT ISLAM DIPERINTAHKAN SUPAYA MENJAUHI ORANG YANG MEMPERMAINKAN AGAMA
- MEREKA TELAH DITIPU OLEH KEHIDUPAN MANUSIA
- KITA HENDAKLAH MENGINGATKAN MEREKA DENGAN AL-QURAN DAN AZAB ALLAH DI HARI KIAMAT, HARTA DAN KEKAYAAN TIDAK AKAN BERGUNA, TIDAK ADA SESIAPA YANG DAPAT MENOLONG DAN MEMBERI SYAFAAT KEPADA MEREKA SELAIN DARIPADA ALLAH
- ALLAH MURKA TERHADAP GOLONGAN YANG MEMPERSENDAKAN AGAMA
- ALLAH TIDAK AKAN MENERIMA MEREKA YANG INGIN MENEBUS DIRI DENGAN SEGALA KEKAYAAN
- KECUALI DENGAN AMALAN YANG TELAH DISYARIATKAN
- GOLONGAN INI AKAN DIHUMBAN KE DALAM NERAKA, DIBERI MINUM AIR YANG MENDIDIH SESUAI DENGAN KEJAHATAN MEREKA SEMASA DIDUNIA DAHULU, YANG BERGEMBIRA MENGEJEK AYAT-AYAT ALLAH

PENGERTIAN MEMPERSENDAKAN AGAMA

↳ MENJADIKAN AGAMA SEBAGAI PERMAINAN DAN SENDA GURAU ATAU MELAKSANAKAN PERINTAH AGAMA SECARA OLOK-OLOK SERTA MENGKHIANATI DAN MENYELEWENG AJARAN AGAMA

@CHERRYBRUNCH_

PERKARA YANG TERMASUK DALAM KATEGORI MEMPERSENDAKAN AGAMA

MELAKUKAN PERTAFSIRAN TERHADAP AYAT-AYAT AL-QURAN MENGIKUT HAWA NAFSU

MENGHINA WANITA MUSLIMAH YANG MEMAKAI TUDUNG

MENGANGGAP UNDANG-UNDANG JENAYAH SYARIAH HANYA SESUAI DENGAN MASYARAKAT ARAB

MENYAMBUT HARI RAYA DENGAN HIDANGAN ARAK

MENGANGGAP SEMUA AGAMA DI DUNIA ADALAH SAMA

MELAKUKAN PERKARA-PERKARA MAKSIAT SECARA TERBUKA TANPA ADA RASA MALU DAN TAKUT

MENGIKTIRAF WANITA SEBAGAI IMAM SOLAT KEPADA JEMAAH LELAKI

MENGANGGAP BAHAWA ISLAM MENGONGKONG GOLONGAN WANITA

MENGATAKAN KEPADA SESEORANG YANG MENGAMALKAN SUNNAH RASULULLAH SEBAGAI SEORANG YANG KETINGGALAN ZAMAN DAN KOLOT

AKIBAT MEMPERSENDAKAN AGAMA

- HILANG JATI DIRI SEORANG MUSLIM DAN SENSITIVITI TERHADAP AJARAN AGAMA ISLAM

- ALLAH MEMASUKKAN PELAKUNYA KE DALAM NERAKA
- PERBUATANNYA ADALAH HARAM
- TERMASUK DALAM KATEGORI DOSA BESAR

- MARUAH UMAT ISLAM TERCEMAR
- MENGAMALKAN AJARAN YANG MENYELEWENG
- DIPANDANG HINA OLEH PENGANUT AGAMA LAIN

- MENGGANGGU KERUKUNAN DAN KETENTERAMAN MASYARAKAT
- MEMBAWA KEPADA KEKACAUAN, HURU-HARA DAN PEPERANGAN

KEPENTINGAN MENANGANI ISU MEMPERSENDAKAN AGAMA

1. MENANGANI GEJALA MEMPERSENDAKAN AGAMA ADALAH SATU TANGGUNGJAWAB MEMBENDUNG KEMUNGKARAN
2. MENGELOK PELAKUNYA DARIPADA TERJERUMUS KE DALAM API NERAKA DAN AZAB ALLAH
3. MENZAHIRKAN KEMULIAAN DAN KEHEBATAN UMAT ISLAM PADA PANDANGAN PENGANUT-PENGANUT AGAMA LAIN
4. MENGEKALKAN KEAMANAN NEGARA KERANA WUJUD KEHARMONIAN DI ANTARA PENGANUT AGAMA ISLAM
5. MENYELAMTKAN UMAT ISLAM DARIPADA TERJERUMUS KE LEMBAH SESAT DAN MURTAD

@CHERRYBRUNCH_

USAHA DAN TINDAKAN DALAM MENANGANI ISU-ISU MEMPERSENDAKAN AGAMA

INDIVIDU

1. MENGHINDARI TIPU DAYA SYAITAN BERPANDUKAN AL-QURAN DAN AL-SUNNAH
2. MEMBERI NASIHAT, PERINGATAN DAN AMARAN DENGAN BERKESAN
3. MEMYAMPAIKAN DAKWAH DENGAN PENUH HIKMAH DAN BERHEMAH

MASYARAKAT

1. MENGGUNAKAN MEDIA MASSA TEKNOLOGI ICT SEBAGAI SALURAN DAKWAH
2. MENGADAKAN PERBINCANGAN DAN DIALOG DENGAN PENUH BIJAKSANA
3. MEMBERI PERINGATAN KEPADA MEREKA TENTANG ADANYA SEKSAAN ALLAH YANG AKAN MENIMPA MEREKA

NEGARA

1. PIHAK JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM), MAJLIS-MAJLIS AGAMA NEGERI DAN JABATAN-JABATN AGAMA NEGERI HENDAKLAH MEMPERGIATKAN LAGI PROGRAM-PROGRAM DAKWAH MEREKA
2. MAJLIS FATWA KEBANGSAAN PERLU MEMFATWAKAN STATUS GOLONGAN YANG MEMPERSENDAKAN AGAMA ISLAM
3. MENGGANDAKAN USAHA PEMULIHAN IAITU MENGEMBALIKAN GOLONGAN INI KE PANGKAL JALAN MENERUSI PROGRAM PEMULIHAN AKIDAH DAN KEPERCAYAAN

PENGAJARAN AYAT

1. ALLAH MEMERINTAHKAN SUPAYA MENJAUHKAN DIRI DARIPADA ORANG YANG MENGHINA AGAMA ISLAM

2. KITA HENDAKLAH MEMBERIKAN PERINGATAN KEPADA ORANG-ORANG YANG MEMPERSENDAKAN AGAMA

3. ORANG YANG MATI DALAM KEADAAN KAFIR TIDAK AKAN TERSELAMAT DARIPADA SEKSAAN API NERAKA

4. HANYA DENGAN IZIN ALLAH SAHAJA BANTUAN DAN SYAFAAT AKAN DIBERIKAN KEPADA SESIAPA YANG DIKEHENDAKI

5. KITA WAJARLAH MENJADIKAN AGAMA ISLAM SEBAGAI ASAS DALAM SEMUA ASPEK KEHIDUPAN

@CHERRYBRUNCH_